

Bantuan: Mangsa banjir perlu daftar dengan JKM

KUALA LUMPUR 31 Jan. – Semua mangsa banjir diminta mendaftar dengan wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) masing-masing bagi memudahkan urusan pengagihan sumbangan banjir.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) telah menerima banyak sumbangan barangan keperluan berupa makanan kering, air minuman dan sebagainya yang masih berada di Ibu Pejabat Kebangsaan PBSMM.

Pengarah Operasi PBSMM, Mohd. Kamal Omar berkata, barangan tersebut hanya dapat disalurkan kepada mangsa banjir yang telah mendaftar.

“Setiap keluarga yang pulang ke rumah masing-masing dari pusat penempatan banjir akan menerima bekalan makanan yang mencukupi untuk lima orang selama satu bulan,” katanya semasa ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Bagi memastikan pengagihan diterima dengan saksama, beliau berharap semua mangsa banjir termasuk yang enggan berpindah ke pusat penempatan atau yang menumpang di rumah saudara-mara agar segera mendaftar.

“Selepas satu bulan, keluarga yang masih memerlukan bantuan sumbangan dan membuat permohonan baru masih akan menerima bekalan untuk satu bulan lagi,” jelasnya.

Sementara itu, perkembangan terbaru banjir di Johor menunjukkan semua keluarga yang tinggal di pusat penempatan banjir telah pulang ke rumah masing-masing kecuali di daerah Batu Pahat.

Mohd. Kamal menjelaskan, Batu Pahat terutama Kampung Seri Medan dan Kampung Senggarang masih ditenggelami air sedalam 0.2 meter menyebabkan sebanyak 10,849 keluarga terpaksa berada di 123 pusat penempatan banjir.

“Banjir yang masih belum surut ini berpunca daripada kedudukan geografi kawasan yang rendah serta tanah yang masih tepu dengan air,” jelasnya.

Tambahan pula, kata beliau, limpahan air yang melepasi paras maksimum menyebabkan Empangan Bekok dan Labong terpaksa melepaskan air takungan bagi mengurangkan tekanan.

Beliau berharap orang ramai dapat memahami bahawa tekanan tinggi yang dialami mampu memecahkan empangan tersebut serta memusnahkan lebih banyak kampung.

Mengenai tarikh tamat luput sumbangan yang diterima, beliau menyeru pihak-pihak penderma memberi sumbangan dengan ikhlas.

“Kami dapati ada pihak menderma barangan makanan kering yang melepasi tarikh luput dengan menutup tarikh tersebut dengan pekat,” katanya.

Beliau berharap penderma memahami polisi PBSMM yang hanya akan menghantar barangan dengan tarikh luput sekurang-kurangnya dua hingga enam bulan ke hadapan untuk sumbangan mangsa banjir seperti banjir di Johor.



Langgan khidmat News Alert
untuk Berita Politik dengan menaip:
DAFTAR UMPOL dan hantar ke **32773**.
1-2 SMS dihantar sehari. Setiap SMS 30 sen.
Untuk batalkan langganan, taip:
BATAL UMPOL dan hantar ke **32773**.